

Sekolah Sukan Malaysia Sabah muncul juara keseluruhan

DF 22.4.2017 8

KOTA KINABALU: Pasukan Sekolah Sukan Malaysia Sabah (SSMS) bawah 15 tahun muncul juara keseluruhan Liga Hoki Wanita Antara Institusi Pengajian yang berlangsung di Padang Hoki Sekolah Sukan Malaysia Sabah, baru-baru ini.

Pasukan itu memungut sebanyak 42 mata dengan melakukan 54 jaringan sepanjang perlawanan setiap liga sirkit berlangsung.

Pasukan UMS ADLER pula yang merupakan juara Kejohanan Hoki Piala Datuk Rozman 2017 terpaksa akur dengan kekentalan pasukan Sekolah Sukan Malaysia Sabah bawah 15 tahun apabila hanya meraih naib johan dengan memungut sebanyak 35 mata sahaja dan melakukan 33 jaringan.

Seterusnya, tempat ketiga iaitu pasukan SMK Tun Fuad Stephen dengan memungut 8 mata dan tempat keempat IPG Gaya dengan mendapat tiga mata sahaja.

Sirkuit ke-6 itu menampilkan empat pasukan yang terdiri daripada pasukan SSMS bawah 15 tahun, Universiti Malaysia Sabah

(UMS ADLER), SMK Tun Fuad Stephens dan IPG Gaya yang masing-masing berentap untuk menjadi johan keseluruhan liga.

Sirkuit ke-6 menampilkan UMS ADLER menentang pasukan IPG Gaya 5-1, SSMS U15 vs IPG Gaya 7-0, UMS ADLER vs SMK TunFuad Stephen 3-2, IPG Gaya vs SMK Tun Fuad Stephen 1-3, SSMS U15 vs SMK Tun Fuad Stephen 2-0.

Bagi perlawanan yang terakhir, UMS ADLER berjaya menumpaskan kekentalan pertahanan pasukan SSMS U15 sebanyak 1-0.

Gol kemenangan UMS ADLER terhasil daripada pukulan sudut penalti yang telah dijaringkan oleh pemain sayap kiri iaitu Asriani Nasaruddin.

Di samping itu, Aina Ruzana Mohd Azlan dari pasukan SSMS U15 menerima Anugerah Khas Pemain Terbaik Liga, penjaring terbanyak iaitu Nurekhmah Najwa Binti Sofian dari pasukan SSMS U15 dengan jaringan 12 gol sepanjang sirkit berlangsung, Anugerah Penjaga Gol Terbaik Liga iaitu Siti Fitri Binti Bedin dari pasukan UMS ADLER dan Anugerah Fairplay

menjadi milik pasukan IPG Gaya.

Keseluruhan pingat dan piala disampaikan oleh wakil Majlis Sukan Negeri Sabah, Heirwashah Masari.

Sementara itu, jurulatih pasukan SSMS U15 merangkap penganjur liga sirkit, Aminuddin berkata liga ini akan diteruskan dengan format yang berbeza di mana akan ada penambahan bilangan penyertaan.

“Saya juga membenarkan jika mana-mana pasukan menyenaraikan pemain bukan dari institusi berkenaan dalam jumlah terhad ataupun mengimport pemain luar hanya terhad tiga orang sahaja.

Selain itu, liga yang seterusnya pihak kami akan menjemput pasukan luar daerah Kota Kinabalu atau Sabah, pasukan MSS dari luar Kota Kinabalu seperti MSS Selatan, MSS Utara, MSS Ranau dan Kelab Hoki Miri Warrior,” ujarnya.

Dengan adanya liga seperti ini, ianya akan merancakkan lagi kejohanan hoki yang terdapat di Sabah dan memberikan pembangunan kepada pegawai teknikal kategori perempuan.